

Kerajaan lantik UM laksana penyelidikan, hasil kajian bakal dibentangkan di Parlimen

Perlu akta lindungi warga emas

Oleh KU MOHD. RIZDUAN
KU ABDUL RAHMAN

KUALA LUMPUR – Kerajaan bersetuju terdapat keperluan perundangan untuk melindungi hak warga emas dalam isu pengabaian dan penderaan golongan itu ekoran kes-kes tersebut didapati semakin meningkat dan terdapat kemungkinan besar banyak lagi kes yang tidak dilaporkan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, keperluan tersebut dibuat berdasarkan kajian oleh Universiti Malaya (UM) mengenai inisiatif melindungi warga emas daripada penderaan dan pengabaian atau *Prevent Elder Abuse and Neglect Initiative*.

“Satu kajian kandungan, pendekatan dan skop bagi mewujudkan satu akta khusus untuk warga emas di Malaysia akan dilaksanakan dan pihak UM dilantik sebagai perunding bagi melaksanakan kajian ini dalam tempoh 15 bulan.

“Hasil utama kajian itu adalah memberi fokus kepada pembentukan satu rang undang-undang warga emas yang dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen pada awal 2021,” katanya kepada pemberita ketika hadir merasmikan Kompleks Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (*MyAgeing*) di Universiti Putra Malaysia, Serdang dekat sini semalam.

Hadir sama Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris; Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr. Ghauth Jasmon dan Pengarah *MyAgeing*, Prof. Datuk Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid.

Dalam perkembangan lain, Dr. Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memaklumkan, kajian diagnostik pembentukan model penjagaan jangka panjang warga emas yang mampan dan bersepadu di negara ini juga sedang dilaksanakan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kementeriannya telah melan-



DR. WAN AZIZAH beramah mesra dengan beberapa warga emas di Pusat Jagaan Harian warga emas di Kompleks MyAgeing di UPM, Sedang semalam.

tik Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai perunding untuk menjalankan kajian tersebut selama 18 bulan yang dijangka berakhir pada November 2020.

“Antara hasil kajian adalah cadangan model penjagaan jangka masa panjang berserta pelan tindakan pelaksanaan-

nya termasuk keperluan modal insan, model pembiayaan yang mampan dan cadangan lokasi bagi melaksanakan projek rintis model penjagaan jangka masa panjang ini,” ujarnya.

Dr. Wan Azizah dalam ucapannya ketika majlis semalam berkata, peranan *MyAgeing* sebagai

pusat penyelidikan berkaitan warga emas hadir dengan tanggungjawab bersama-sama dengan kerajaan bagi memastikan kesejahteraan golongan itu pada masa ini dan akan datang sentiasa dijaga.

Sementara itu, Dr. Aini berkata, *MyAgeing* yang dahulunya dikenali sebagai Institut Gerontologi, ditubuhkan pada 1 April 2002. Ia kemudian dinaik taraf kepada Institut Penyelidikan Penuaan Kebangsaan pada tahun 2015.

“Sejak ditubuhkan, *MyAgeing* telah menjalankan pelbagai bentuk kajian untuk membina pangkalan data asas mengenai warga emas di Malaysia.

“*MyAgeing* berjaya mendapatkan dana daripada agensi antarabangsa dan dalam negara untuk menjalankan lebih 80 projek penyelidikan berkaitan penuaan. Hasil penyelidikan digunakan sebagai bukti untuk membangunkan program-program yang boleh menyumbangkan kepada peningkatan kesejahteraan warga emas Malaysia,” ujarnya.